

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 3 DISEMBER 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1423-MQT0792
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terdapat beberapa akta drakonian dan zalim yang masih wujud di Malaysia. Ini termasuklah Akta Hasutan 1948, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Majlis Keselamatan Negara 2016, Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA). Kesemua akta ini bersifat menyekat kebebasan rakyat, malah pernah digunakan oleh Kerajaan terdahulu. Apakah status pemansuhan akta tersebut seperti mana tertulis dalam manifesto Pakatan Harapan.

2. PR-1423-MQT0793
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status pelaksanaan mekanisme "*Incentive Based Regulations*" (IBR) dalam penentuan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia setiap 6 bulan dan adakah tarif akan meningkat bulan Januari 2020 nanti.

3. PR-1423-MQT0791
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tahap persiapan kontinjen Malaysia bagi menghadapi Sukan SEA 2019 yang sedang berlangsung sekarang di negara Filipina dan apakah sasaran atau jangkauan pingat untuk kontinjen negara kita.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 3 DISEMBER 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 66

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1423-L06137
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah terdapat peruntukan untuk mengecualikan atau memberikan subsidi yuran pendaftaran bagi golongan anak asnaf atau golongan B40 bagi kategori sekolah dan universiti awam.

2. PR-1423-L06310
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kementerian mengenai saranan beberapa pihak untuk menghentikan penjualan alat ganti (*spare part*) motosikal Y15ZR yang dikatakan menyalahi undang-undang Kementerian Pengangkutan. Mengapakah penunggang motosikal didenda sedangkan pengeluar dan pengedar terus dibiarkan meneruskan perniagaan untuk mengaut keuntungan.

3. PR-1423-L06819
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah penerima yang mendapat manfaat daripada Program Rebat RM40 bil elektrik dan jumlah mereka yang layak tetapi masih belum berjaya mendaftarkan diri e-Kasih.

4. PR-1423-L07119
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang langkah-langkah dan peranan yang perlu diambil pemain industri bagi mempersiapkan negara dalam mendepani Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).
5. PR-1423-L06648
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah kejadian jerebu akan menjejaskan pengeluaran sarang burung layang-layang di negara.
6. PR-1423-L06298
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kaedah yang berkesan dan efektif untuk mengatasi masalah ramai kanak-kanak yang memohon kewarganegaraan khususnya di Parlimen Batang Lupar. Adakah akan diwujudkan Jawatankuasa Khas untuk meneliti dan menangani masalah ini.
7. PR-1423-L06573
Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan menjelaskan penyelenggaraan tanah milik KEMENTAH Tapak MDSTP di Sungkai, Perak tentang jumlah pembayaran cukai tanah tahunan dari 2010 hingga 2019, serta pendapatan yang dijana oleh Tapak MDSTP (dari 2010 hingga 2019) yang kini disewakan bagi tujuan pertanian.
8. PR-1423-L06538
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah mekanisme yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah manipulasi produk berasaskan muslim oleh usahawan bukan muslim yang menggunakan agama Islam dan tulisan jawi untuk mengaburi mata pengguna muslim yang merupakan pengguna terbesar di negara bagi mengaut keuntungan.
9. PR-1423-L06975
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bilangan terkini banduan hukuman gantung mengikut seksyen kesalahan dan pecahan etnik, kewarganegaraan, umur dan status sosial (golongan B40 atau golongan lain), status pemansuhan hukuman gantung serta adakah ia retrospektif terhadap semua kes banduan akhir, dan bagaimana pula dengan yang sedang menjalani hukuman gantung tersebut.

10. PR-1423-L06473
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memasukkan silibus pendidikan demokrasi di sekolah memandangkan Parlimen telah sebulat suara menyokong pindaan Perlembagaan yang membolehkan rakyat berumur 18 tahun mengundi. Jika ada, apakah jaminan Kerajaan bahawa silibus tersebut tidak hanya cenderung mempromosikan parti Kerajaan sahaja.
11. PR-1423-L06893
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tahap pembekalan makanan tempatan dan usaha-usaha yang telah diambil untuk meningkatkan lagi pembekalan tempatan makanan utama.
12. PR-1423-L07216
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembukaan universiti Jepun seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dahulu. Sudahkah dimuktamadkan.
13. PR-1423-L05954
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa ramai baki pengedar Melayu Bumiputera dalam Proton di Lembah Klang dan seluruh negara yang tinggal sejak Syarikat Geely mengambil-alih Proton serta apakah langkah-langkah Kerajaan bagi membantu Bumiputera agar dapat bertahan dalam industri automotif nasional.
14. PR-1423-L07153
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tindakan yang diambil bagi membanteras kegiatan penyeludupan spesies endemik oleh warga asing di negara kita agar tidak terus berleluasa.
15. PR-1423-L06204
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kementerian perlu membuat satu kajian terperinci untuk sekolah-sekolah yang daif terutamanya tandas. Ini adalah kerana kebanyakan sekolah masih tidak mempunyai sistem tandas yang lengkap, yang mana bekalan elektrik tidak sempurna, bekalan air tidak mencukupi, sistem kumbahan tidak dirawat dan diperbaiki, kebersihan tandas tidak terjamin dan berbau. Tandas masih tidak selesa untuk kegunaan murid-murid.

16. PR-1423-L06391
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah fungsi FAMA dalam membantu petani miskin dalam memasarkan hasil tanaman mereka seperti duku, langsung dan lain-lain bagi mengatasi masalah lambakan buah di kebun kerana masalah harga upah memetik lebih mahal daripada harga pasaran.
17. PR-1423-L05898
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang sudah disalurkan ke Sabah untuk tujuan pembaikan/pembinaan baru sekolah-sekolah daif yang banyak di Sabah.
18. PR-1423-L07065
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan persediaan khas yang dirangka Kerajaan untuk generasi warga emas bagi tahun 2020-2030.
19. PR-1423-L06457
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan 5 pelaburan asing terbesar yang diluluskan pada tahun 2016, 2017 dan 2018 yang telah dilaksanakan. Berapa peluang pekerjaan yang diwujudkan mengikut tahap kemahiran.
20. PR-1423-L05991
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah terkini yang telah diperkenalkan pihak Kementerian ke atas para pensyarah untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).
21. PR-1423-L06438
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan syarikat-syarikat di Sarawak yang mendapat AP untuk mengimport gula serta langkah-langkah Kementerian untuk memecahkan mana-mana monopoli yang merugikan rakyat.

22. PR-1423-L05969
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah strategi dan langkah-langkah terkini yang digubal dan dilaksanakan untuk mempromosi dan meningkatkan nilai eskport hasil-hasil pertanian negara. Bagaimanakah Kementerian mengatasi saingan dari negara-negara ASEAN yang lain yang mengeluarkan hasil-hasil pertanian yang sama.
23. PR-1423-L06553
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kemaskini status "*National Children's Well-Being Roadmap*" dan adakah geran sokongan kanak-kanak atau elaun penjagaan kanak-kanak yang disyorkan UNICEF akan dikaji.
24. PR-1423-L06776
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk menambahbaik pendapatan para petani di kawasan parlimen Igan khususnya dalam menarik minat para belia berkecimpung dalam bidang pertanian sebagai satu perniagaan.
25. PR-1423-L06001
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha dan insentif Kementerian untuk menggalakan universiti awam melakukan kajian berimpak tinggi kepada masyarakat dan industri. Adakah usaha dilakukan untuk mendapatkan dana penyelidikan dari organisasi luar negara.
26. PR-1423-L06683
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah Kerajaan Persekutuan untuk membela nasib ibu-ibu tunggal di Sarawak.
27. PR-1423-L06626
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status dan kaedah pelaksanaan program sarapan untuk murid-murid yang akan bermula pada tahun 2020.

28. PR-1423-L07029
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah masalah pengangguran graduan adalah disebabkan penawaran program pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan kerjasama akademik-industri serta apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.
29. PR-1423-L06579
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membeli atau menggantikan 6 buah helikopter MD530G bernilai RM300 juta yang tidak diterima oleh Kementerian Pertahanan khusus untuk digunakan di Pantai Timur Sabah yang sangat terdedah kepada pencerobohan. Jika ya, mungkinkah model baru nanti sesuai untuk dioperasikan di kawasan maritim.
30. PR-1423-L06500
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah pendirian Kementerian berkenaan cadangan memperkenalkan seni khat dan tulisan jawi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu tahun empat menjelang tahun hadapan ; dan
 - (b) adakah terdapat sebarang perbincangan yang telah diadakan di antara Kementerian bersama pertubuhan pendidikan Cina dan India bagi meredakan keresahan mereka berhubung keputusan Kementerian memperkenalkan seni khat dan tulisan jawi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.
31. PR-1423-L07091
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pihak kementerian akan meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 untuk membenarkan kebebasan akhbar yang lebih besar di Malaysia.
32. PR-1423-L06490
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah tawaran melanjutkan pelajaran ke IPTA bagi sesi tahun 2019 bagi pengambilan diploma dan sarjana muda seluruh Malaysia mengikut pecahan setiap negeri dan berapa jumlah pelajar yang tidak melaporkan diri setelah menerima tawaran ke IPTA.

33. PR-1423-L07099
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika Kementerian akan meningkatkan bilangan kerani untuk membantu guru-guru sekolah kepada nisbah 1:10.
34. PR-1423-L06043
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-
- (a) senarai lapan syarikat yang telah diberi permit mengimport gula dari luar negara; dan
 - (b) kesan positif kepada pengguna semenjak kelulusan lapan permit kepada pengeluar makanan dan minuman di Sarawak untuk mengimport gula dari luar negara.
35. PR-1423-L06341
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk membantu golongan muda menguasai Bahasa Inggeris selari dengan keperluan semasa dan supaya negara kekal kompetitif terutama dalam bidang sains dan matematik.
36. PR-1423-L06520
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia dalam isu melibatkan bekas rakyat Malaysia yang telah melucutkan kerakyatan mereka kerana percaya bahawa passport *British Overseas Citizen (BOC)* membolehkan mereka diberi kerakyatan automatik di United Kingdom namun kini terkandas dan dikategorikan sebagai 'stateless' di negara tersebut.
37. PR-1423-L06394
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang meratifikasi Konvensyen Antarabangsa bagi Perlindungan Semua Orang Daripada Kehilangan Yang Dipaksa (ICPPED), dan adakah Kerajaan akan mengakui bahawa kehilangan paksa wujud di Malaysia.

38. PR-1423-L06806

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berkenaan cadangan untuk meminda Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan ibu yang berwarganegara Malaysia mendapatkan status kewarganegaraan bagi anak mereka yang dilahirkan di luar negara secara automatik.

39. PR-1423-L06345

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan dan berapa orang ditangkap dalam laporan baru-baru ini yang bertajuk “RM4,000 sekepala, pekerja Bangladesh mangsa lumayan bagi ejen” di <https://www.malaysiakini.com/news/491442> dan “Setiap hari dua pekerja Bangladesh maut di Malaysia” di <https://www.malaysiakini.com/news/491616>. Adakah Kerajaan berhasrat menggubal akta baharu seperti Akta Penghambaan Moden (*Modern Slavery Act*).

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Perdana Menteri**

- * Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019.

2. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor], Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang** akan mencadangkan :-

“**BAHAWA** mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan.”

2. (D.R.25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (7 Oktober, 2019)**

[Perdana Menteri]

3. (D.R. 29/2019) Rang Undang-Undang Mata Wang 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]

4. (D.R 30/2019) Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019 "
[Menteri Kewangan]

5. (D.R.35/2019) Rang Undang-Undang Hak Cipta (Pindaan) 2019 "
[Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna]

6. (D.R.34/2019) Rang Undang-Undang Francais (Pindaan) 2019 "
[Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna]

7. (D.R.36/2019) Rang Undang-Undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019 "
[Menteri Kesihatan]

8. (D.R.39/2019) Rang Undang-Undang Pengangkutan Barang Melalui Laut (Pindaan) 2019. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pengangkutan]

9. (D.R.37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019 "

[Menteri Kesihatan]

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), subseksyen 155(2), subseksyen 163B(2) dan subseksyen 163K(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.118, ST.119, ST.120, ST.128, ST.129, ST.131, ST.132, ST.133, ST.134, ST.135 dan ST.137 bagi tahun 2019 disahkan."

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(2), subseksyen 90A(2), subseksyen 91DA(2) dan subseksyen 91I(2), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.121, ST.122, ST.123, ST.124 dan ST.125 bagi tahun 2019 disahkan."

12. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 supaya Perintah Cukai Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.130 bagi tahun 2019 disahkan."

13. PR-1423-UL044

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] akan mencadangkan :-

"Bahawa pada hari Rabu, 17 Julai 2019, Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof telah mengeluarkan Petua Yang di-Pertua Dewan Rakyat menolak usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Bera bagi merujuk Ahli Parlimen Bagan (Lim Guan Eng) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12). Kenyataan ini merujuk kepada kenyataan Menteri Kewangan di dalam Penyata Rasmi bertarikh 7 Ogos 2018 yang berbunyi:

"Ini semua angkara Kerajaan Barisan Nasional yang rakus dan rasuah. Saya berasa sangat marah tentang perkara ini Tuan Yang di-Pertua Dewan. Ini kerana perkara ini bukanlah wang kerajaan, ini ialah wang rakyat yang dirompak dan saya tidak dapat memulangkan wang mereka sendiri. Ini satu pengkhianatan kepada rakyat Malaysia...."

Dan bahawa Dewan yang mulia ini memandang serius Petua Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat di mana Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menafikan hak ahli Dewan dan Usul Ketua Pembangkang itu. Justeru, saya ingin mengusulkan satu Usul Persendirian di bawah Peraturan Mesyuarat 43, Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Parlimen Dewan Rakyat agar keputusan Yang di-Pertua Dewan Rakyat itu ditimbang semula oleh Majlis Mesyuarat untuk dibahaskan di dalam mesyuarat Majlis ini. "

14. PR-1423-U(27)064

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya suatu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk isu-isu Pilihan Raya ditubuhkan untuk memastikan terdapat pemantauan yang bebas dan berterusan oleh Parlimen terhadap sistem dan proses pilihan raya di Malaysia."

[Perdana Menteri]

15. PR-1423-U(27)065

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia."

[Perdana Menteri]

16. PR-1423-U(27)066

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, berakauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

17. PR-1423-U(27)067

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat digesa untuk mengambil keputusan agar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dikenakan terhadap hartanah yang diperoleh melebihi lima tahun dengan kadar lima peratus bagi rakyat Malaysia yang secara tidak langsung dianggap sebagai satu bentuk cukai Harta Warisan (*Inheritance Tax*) untuk dimansuhkan memandangkan ia adalah jenis percukaian yang membebankan rakyat dan tidak adil terhadap waris yang telah bersusah-payah mengumpulkan harta demi masa hadapan pewaris mereka."

[Menteri Kewangan]

18. PR-1423-U(27)068

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia Airlines Berhad (MAB) kekal sebagai sebuah syarikat penerbangan milik Malaysia. Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam memulihkan semula masa hadapan MAB ini."

[Menteri Hal Ehwal Ekonomi]

19. PR-1423-U(27)069

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan memberikan justifikasi yang kukuh mengenai cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Kerajaan mengumumkan bahawa projek kereta nasional ketiga ini telah dianugerahkan kepada Syarikat DreamEDGE Sdn Bhd yang mana pemegang saham terbesar syarikat tersebut ialah Syarikat Venturetech Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) iaitu sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia. Dalam situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga bukanlah sesuatu yang perlu diberi keutamaan oleh Kerajaan memandangkan banyak lagi isu kos sara hidup dan kadar kemiskinan yang perlu diberi tumpuan khusus. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ini ketiga dikaji semula demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

20. PR-1423-U(27)070

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja. Kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa pemansuhan hukuman mati akan dilaksanakan secara berperingkat ternyata telah memberikan konotasi kepada rakyat Malaysia bahawa Kerajaan sememangnya berobjektif untuk memansuhkan hukuman mati ini yang pastinya akan mendapat tentangan dari pihak keluarga mangsa. Kerajaan disarankan agar tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlulah membentangkan sebarang keputusan kajian mengenainya menerusi Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen. Sekiranya Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas, biarlah jawatankuasa di bawah urusan Kerajaan yang mencakupi pandangan pelbagai pihak sama ada menyokong dan tidak menyokong agar satu keputusan seimbang yang mengambil kira pandangan semua pihak dapat diperolehi. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang melibatkan nyawa masyarakat. Jika pandangan rakyat ini tidak diteliti, maka Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

21. PR-1423-U(27)071

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan penyiasatan mengenai dakwaan Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kadar kemiskinan di Malaysia yang tidak realistik dan dasar serta polisi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengubah atau menyelaras paras garis kemiskinan di negara ini yang kini ditetapkan pada RM930 bagi negeri-negeri di Semenanjung, RM990 di negeri Sarawak dan RM1,170 untuk negeri Sabah."

[Menteri Hal Ehwal Ekonomi]

22. PR-1423-U(27)072

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada nasihat-nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangannya."

[Menteri Wilayah Persekutuan]

23. PR-1423-U(27)073

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia melalui pewujudan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif yang mampu membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

24. PR-1423-U(27)074

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto Pakatan Harapan iaitu 'Membela Nasib Orang Asal' di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

25. PR-1423-U(27)075

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, prasyarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate*—UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. "

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pendidikan iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

“Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan. Sekiranya kenyataan itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik.”

“Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke “*Youtube*”, di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai “hitam putih” untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. ”

[Menteri Pendidikan]

26. PR-1423-U(27)076

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baharu yang telah diluluskan.”

“Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.”

“Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina.”

“Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas. ”

[Menteri Pendidikan]

27. PR-1423-U(27)077

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen kerajaan diperuntukkan RM1,800,000.00 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah. "

[Perdana Menteri]

28. PR-1423-U(27)078

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah dasar luar Malaysia berkaitan Laut China Selatan. Umum mengetahui kemelut perluasan pengaruh di rantau Asia Pasifik yang menggunakan isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan melibatkan kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan China serta penglibatan United Kingdom, Perancis, Australia dan Jepun telah merumitkan isu ini. Pembabitan kuasa asing ini amat membimbangkan kerana berkait dengan kehadiran kapal perang di perairan yang akan memberi kesan kepada kapal dagang dan juga sangat sensitif dari segi status geopolitik.

Sebelum ini, pada Jun 2018, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyuarakan bahawa Malaysia akan mengkaji semula Kerangka Kod Tata Laku (CoC) di Laut China Selatan antara China dan ASEAN. Ditambah pula, dengan kenyataan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Mohamad Sabu yang menyatakan kebimbangan mengenai isu penempatan aset ketenteraan di perairan tersebut iaitu merujuk kepada tindakan yang dilakukan China. Manakala, pada Ogos 2019 beberapa Menteri Luar ASEAN melahirkan kebimbangan terhadap isu penambakan, pendudukan dan insiden serius yang berlaku di Laut China Selatan.

Jika diambil kira keputusan Kerajaan berhubung pembatalan dan pergantungan beberapa projek yang melibatkan negara China sebelum ini menimbulkan pertanyaan apakah interpretasi negara China walaupun tiada kena mengena

dengan geopolitik Laut China Selatan, sedikit sebanyak menunjukkan hala tuju dasar laut negara. Selain itu, penyertaan Malaysia dalam latihan ketenteraan maritim terbesar iaitu *Rim of the Pacific Exercise* (RIMPAC) anjuran Amerika Syarikat yang secara jelas tidak mengundang tentera laut China dengan alasan kurang senang dengan tindakan China di Laut China Selatan.

Penyelesaian melalui penggubalan Kod Tatalaku (CoC) yang berasaskan peruntukan UNCLOS pada ketika ini sedang diperhalusi di antara ASEAN dan China. Ironisnya China dilihat begitu berat untuk menerima peruntukan UNCLOS dalam rundingan CoC sedangkan China adalah negara ahli UNCLOS kerana China ingin menuntut berasaskan sejarah Dinasti mereka iaitu Dinasti Han, Yuan, dan Ming manakala Amerika Syarikat cuba memaksa ASEAN dan China menerima sepenuhnya penggunaan UNCLOS dalam CoC kerana UNCLOS berasaskan undang-undang. Sehubungan itu, apakah dasar dan pendirian Malaysia berhubung kehendak Amerika Syarikat yang mahukan UNCLOS dalam kerangka CoC tersebut. Pengamalan Dasar Luar Malaysia bersangkutan dengan kemelut Laut China Selatan akan berubah jika dinilai berdasarkan peristiwa yang berlaku semasa ini. Pembentangan ini amat penting untuk rakyat mengetahuinya malah pemimpin serantau dan global turut mengambil berat kerana Malaysia adalah negara utama yang terlibat dalam kemelut tersebut. "

[Menteri Luar Negeri]

29. PR-1423-U(27)080

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh berkaitan pelaksanaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) Johor--Singapura selepas hasil perbincangan di antara Menteri Pengangkutan Malaysia bersama Menteri Pengangkutan Singapura pada bulan Julai 2019. Hasil perbincangan ini amat penting untuk dibawa ke Parlimen agar Ahli Dewan Rakyat dapat mengetahui dengan jelas perancangan projek tersebut serta dapat dibincangkan secara terperinci di dalam Dewan Rakyat. Rakyat pastinya ternanti--nanti akan penjelasan tentang perancangan, kesan jangka masa panjang yang melibatkan dua negara ini. Perbincangan ini adalah amat penting untuk mengetahui secara terperinci berkenaan implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Malaysia akibat penangguhan projek tersebut. Selain itu, pelaksanaan projek ini hendaklah tidak hanya dibincangkan dalam peringkat kabinet sahaja dan secara tertutup antara Kerajaan Malaysia dan Singapura tetapi perlu mengambil kira pandangan orang ramai yang juga bakal menikmati kemajuan fasiliti dan menggunakan kemudahan ini terutama rakyat Malaysia yang mencari rezeki bekerja di Singapura agar mereka mengetahui dengan jelas tentang pendirian Kerajaan sama ada untuk meneruskan, menangguhkan atau membatalkan projek ini. "

[Menteri Pengangkutan]

30. PR-1423-U(27)081

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 seperti termaktub dalam Janji 16, Manifesto Pakatan Harapan iaitu mengembalikan wibawa institusi Parlimen. Dalam usaha Kerajaan untuk mereformasi Parlimen Malaysia, Kerajaan perlu memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan melalui seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 tersebut telah berkuatkuasa pada 20 November 1993. Memperkenalkan semula Akta ini dengan beberapa penambahbaikan merupakan satu konsep pengasingan kuasa yang jelas antara Badan Eksekutif dan Legislatif. Perkara ini membolehkan urusan Parlimen boleh ditadbir dan dilaksanakan oleh Parlimen sendiri. Hal ini memberi kuasa autonomi kepada Parlimen untuk menentukan keputusan dan menjadikan Parlimen sebagai satu badan bebas yang tidak terikat dengan badan Kerajaan. Sehubungan itu, apakah usaha dan perancangan Kerajaan dalam memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 di mana pindaan Perlembagaan juga perlu berlaku serta sejauh manakah persediaan Kerajaan untuk pindaan Perlembagaan ini. Selain itu, apakah usaha Kerajaan untuk menunaikan janji-jannji manifesto Pakatan Harapan dalam mengembalikan wibawa institusi Parlimen seperti memberikan status dan peruntukan yang sama dengan seorang Menteri Persekutuan kepada Ketua Pembangkang dan pewujudan Jawatankuasa Terpilih Dewan Rakyat untuk memantau setiap Kementerian, dengan kuasa untuk memanggil Menteri dan pegawai kanan untuk memberi keterangan. Kebaikan kepada pindaan ini adalah atas usaha menjadikan Parlimen sebagai badan legislatif yang efektif dalam dunia moden. Selagi tiada Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 ini, perkara ini akan menyebabkan usaha mereformasi Majlis Parlimen akan sedikit sebanyak terencat. "

[Perdana Menteri]

31. PR-1423-U(27)082

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan Akta dan undang-undang baharu yang perlu diwujudkan bagi melindungi orang ramai yang terjebak dalam pelaburan mata wang digital atau kripto. Akta Mata Wang Digital atau akta baharu itu membolehkan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengambil tindakan terhadap pihak yang membuat penawaran pelaburan dalam bentuk mata wang digital. Mata wang digital atau *cryptocurrency* digunakan secara meluas bagi tujuan urusaniaga sama ada secara sah atau digunakan dalam ruang bagi pasaran gelap atas talian iaitu *darkweb*, pembiayaan keganasan serta penggubahan wang haram. Perkara yang melibatkan mata wang digital semakin meluas dan berakar umbi di *darkweb*. Isu ini banyak mengelirukan banyak pihak terutamanya rakyat. Kerugian yang dilaporkan akibat jenayah siber mencecah RM309.67 juta bagi tempoh dari Januari hingga Julai 2019.

Kerugian ini disebabkan jumlah jenayah siber semakin meningkat dan angka ini boleh memberi kesan negatif kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Sehubungan itu, apakah peranan Kerajaan dalam mengatasi masalah sekiranya mata wang digital ini disalah guna contohnya, sebagai kaedah pembayaran rasuah dan transaksi dalam pasaran gelap. Kerajaan juga perlu lebih proaktif menangani masalah penipuan mata wang digital ini. Akta baharu perlu diwujudkan dan akta yang sedia ada perlu ditingkatkan supaya tiada kelompongan dari sudut perundangan bagi mengelakkan penipuan dan salah laku yang melibatkan mata wang digital. "

[Menteri Kewangan]

32. PR-1423-U(27)083

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan laporan gangguan sistem Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang berlaku pada 21 hingga 24 Ogos 2019. Gangguan sistem tersebut berlaku selama 4 hari dan menyebabkan beberapa urusan bagi pihak lapangan terbang dan penumpang terjejas. Perdana Menteri telah menggesa pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk menyelidik punca sebenar gangguan sistem di KLIA, pihak MAHB telah membuat laporan polis berhubung gangguan rangkaian di KLIA dan pihak polis telah menjalankan siasatan mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan. Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador, menyifatkan dakwaan kemungkinan wujud tindakan berniat jahat hingga menjejaskan kelancaran operasi KLIA sebagai amat serius. Sehubungan itu, Kerajaan perlu membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah punca gangguan sistem ini boleh berlaku, berapakah implikasi kewangan yang ditanggung oleh pihak MAHB, jumlah kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat penerbangan yang terlibat dan apakah langkah proaktif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berulang kembali. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu membentangkan kepada Dewan Rakyat adakah gangguan sistem ini memberi kesan kepada pengiktirafan yang diterima oleh KLIA seperti Anugerah Pemasaran Laluan Asia 2018 dan pengiktirafan--pengiktirafan lain serta apakah keputusan siasatan pihak MAHB dan pihak PDRM berhubung kes ini. "

[Menteri Pengangkutan]

33. PR-1423-U(27)084

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Kertas Putih Pertahanan. Kertas Putih Pertahanan tersebut dirangka mengambil kira aspek jangka pendek dan jangka panjang berkenaan dasar pertahanan negara. Ahli Dewan Rakyat dan rakyat perlu mengetahui berkenaan dasar tersebut dengan jelas dan memberikan kefahaman secara menyeluruh apakah isi kandung Kertas Putih Pertahanan tersebut. Dalam usaha mewujudkan Kertas Putih Pertahanan, Kerajaan perlu melibatkan banyak agensi dan pihak. Kementerian Pertahanan perlu bekerjasama secara rapat dengan Kementerian Luar Negeri kerana banyak melibatkan hubungan luar antara negara. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu melibatkan pakar dan ahli akademik dan bukan pihak Kementerian Pertahanan sahaja. Ini adalah perkara penting untuk mewujudkan perbezaan antara pembuat dengan pelaksana dasar. Aspek yang penting adalah semua Kementerian dan agensi berkaitan perlu memahami isi kandungan kertas putih tersebut kerana tugas pertahanan bukan hanya terletak kepada Kementerian Pertahanan serta tentera semata-mata tetapi rakyat juga perlu mengetahui. Sehubungan itu, dengan pembentangan Kertas Putih Pertahanan secara terperinci ini dapat menghasilkan satu pelan rangka tindakan secara spesifik berkaitan hala tuju ketenteraan dan perancangan perolehan aset bagi Angkatan Tentera Malaysia. "

[Menteri Pertahanan]

34. PR-1423-U(27)085

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil langkah dalam memperkasakan institusi hal ehwal agama Islam di negara ini iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang mempunyai peranan utama menjadi pusat rujukan fatwa yang berwibawa dan berintegriti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam memartabatkan fatwa di Malaysia, jawatankuasa ini dilihat berperanan besar melalui pengurusan, penyelarasan dan penyelidikan namun dari segi pelaksanaan fatwa tersebut oleh pihak Kerajaan tidak konsisten dalam beberapa perkara. Isu--isu keagamaan yang berlaku seperti penyebaran ajaran sesat, fahaman liberal dan songsang serta keterbukaan yang melampau memerlukan tindakan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan bersandarkan kepada rujukan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan."

[Perdana Menteri]

35. PR-1423-U(27)086

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berperlembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar di kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya di kalangan masyarakat pelbagai latar belakang berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik--baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik--baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja--raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang situasi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja--raja. Maknanya ada lagi ciri--ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja--raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berperlembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang--ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berperlembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
DR. 14	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas Berhubung Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG) Di Bawah Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	3 Disember 2019
ST. 127	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
ST. 149	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Bagi Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) Tahun 2018	3 Disember 2019
ST. 154	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
ST. 156	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Akademi Seni, Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
ST. 159	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Bekalan Elektrik (KWIE) Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
ST. 161	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
ST. 163	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
ST. 167	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
ST. 168	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja Dan Yang Di-Pertua-Yang Di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 170	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
ST. 171	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
ST. 179	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
CMD. 60	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan (SPKP) Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019
CMD. 61	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) Bagi Tahun 2018	3 Disember 2019

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 03.12.2019 (Selasa)	1. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	1. Pembekalan Racun Makhluk Perosak Oleh NAFAS di bawah SIPP	1. YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani
2. 03.12.2019 (Selasa)	2. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	2. Perlesenan Untuk Pemasaran Dan Penjualan Baja Di Bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974	2. YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**